



Pelajar tekun mendengar ceramah dan perkongsian ilmu diberikan ketika meyertai program Bakti Sosial di madrasah DTUQ, Jalan Kebun, Shah Alam.

[FOTO HAMID KARIM / BH]

Siswa tabur jasa bantu pelajar madrasah DTUQ

» Program Bakti Sosial kongsi ilmu, beri motivasi

Oleh Hamid Karim

bhshahalam@mediaprima.com.my

► Shah Alam

Madrasah Darul Tahfiz Ummul Qura (DTUQ) di Jalan Kebun, di sini, yang pernah menjadi lokasi pertama program khidmat Suara Komuniti BH tahun lalu, terus menerima kunjungan pelbagai pihak untuk berbakti kepada 80 pelajar di madrasah itu.

Kelmarin, seramai 40 siswa dari pelbagai universiti tempatan yang bergabung di bawah sebuah syarikat, Neo Synergy Training Centre, kendalian siswa terbabit melancarkan program Bakti Sosial di madrasah itu, selama lebih sembilan jam bermula 9 pagi.

Kegiatan ukuhawah

Ketua program, Muhamad Afiq Mohd Nazari, 19, berkata pelbagai acara dilaksanakan sempena program berkenaan, seperti kegiatan ukuhawah, forum, perkongsian ilmu bersama pelajar, gotong-royong dan penilaian diri serta berkongsi pengala-

man hidup sebagai siswa di institusi pengajian tinggi.

Katanya, peserta program terdiri daripada pelajar Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Secara kebetulan, kebanyakan peserta program adalah bekas pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di seluruh negara.

"Kami bergabung di bawah syarikat kendalian kami sendiri, Neo Synergy Training Centre dan memilih DTUQ sebagai lokasi pertama tahun ini selepas melaksanakan program sama di Perak sebelum ini. Matlamat kami adalah untuk berkongsi ilmu dan memberi motivasi.

"Kami juga mahu menunjukkan rasa kasih kepada pelajar di madrasah ini yang ada antaranya datang daripada keluarga miskin. Terbukti pelajar di madrasah ini menerima kami dengan sepenuhnya terutama apabila terbabit dalam acara motivasi yang dikendalikan ahli program kami," katanya.

Perkasa kebolehan berkomunikasi

Pegawai Hubungan Luar program itu, Muhamad Firdaus Sazali, 20, yang juga siswa kejuruteraan di UiTM Shah Alam, berkata antara perkara yang diberi penekanan dalam program itu adalah untuk memperkasakan kebolehan berkomunikasi dalam kalangan pelajar madrasah.

"Kami juga berkongsi pengalaman kami ketika menuntut ilmu di pusat pengajian tinggi bagi menarik minat

dan memberi motivasi kepada pelajar di madrasah supaya berusaha menjadi insan lebih cemerlang," katanya.

Selain berkongsi ilmu dan pengalaman, gotong-royong membersihkan persekitaran DTUQ juga diadakan di madrasah itu membabitkan kerjasama peserta pro-

gram dan pelajar pada sebelah petang.

Pengetua DTUQ, Abd Rasul Rahman, berkata pihaknya amat mengalu-alukan kedatangan 40 siswa universiti tempatan itu terutama pada Ramadan, bertujuan mengisi masa pelajar dengan kegiatan yang lebih memberi manfaat.

“ Kami juga mahu menunjukkan rasa kasih kepada pelajar di madrasah ini yang ada antaranya datang daripada keluarga miskin ”

Muhamad Afiq Mohd Nazari,
Ketua program